

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

'Kes palsu keputusan ujian urin tak babit pakar patologi'

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) menjelaskan urusan pengujian sampel air kencing adalah di bawah skop tugas juruteknologi makmal perubatan (JTMP) dan ia tidak membabitkan pegawai perubatan pakar patologi.

Susulan itu, KKM berkata, kakitangan yang terbabit dalam kes pemalsuan keputusan ujian urin itu tidak membabitkan pakar patologi, sebaliknya pembantu makmal yang kini disiasat pihak berkuasa.

"Individu yang terbabit dalam kes pemalsuan keputusan ujian urin itu masih dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)," katanya dalam kenyataan, semalam.

Kenyataan KKM itu dimuat naik Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad di laman X miliknya.

Dr Dzulkefly turut berharap media lebih teliti sebelum menerbitkan berita khususnya yang terkait dengan KKM supaya tidak mencetuskan kecurigaan umum terhadap perkhidmatan kementerian itu.

Sebelum ini, Pengarah HSAJB, Dr Sal Atan menafikan 10 pakar patologi dipindah keluar daripada hospital terbabit berikutan pemalsuan keputusan ujian air kencing.

Laporan media sebelum ini menyebutkan 10 pakar patologi HSAJB didekwa terbabit dalam menyediakan sampel air kencing yang dipalsukan dalam kes penyalahgunaan bahan terlarang dengan bayaran antara RM500 hingga RM1,500.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

Kurang kesedaran punca isu generasi bantut meruncing

Ramai ibu bapa tidak ambil kisah masalah tumbesaran anak

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Banyak kajian membuktikan sikap tidak endah ibu bapa menyebabkan isu bantut semakin meruncing hingga trend hari ini menunjukkan ramai kanak-kanak tergolong dalam kumpulan menghadapi masalah ketinggian.

Pakar Perunding Pediatrik Endokrinologi, Pusat Perubatan Universiti Malaya, Prof Madya Dr Azriyanti Anuar Zaini, berkata keyakinan ibu bapa itu anak mereka akan tinggi kelak, selain menganggap isu ketinggian bukan satu masalah kritikal berikutan fizikal mereka sendiri rendah.

"Sikap 'tidak apa, saya sendiri bukan tinggi sangat' membuatkan ramai tidak sedar perkembangan anak mereka tidak selari dengan usia hinggalah Hasil Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2022 mendedahkan kelaziman yang jauh lebih tinggi, berbanding kajian pada 2015 dan 2019.

"Kita mahu generasi masa hadapan lebih tinggi dari sekarang dan bukan semakin pendek.

"Ketinggian melambangkan status kesihatan seseorang, seterusnya status kesihatan negara secara umum," katanya.

Data terbaharu NHMS 2022 itu melaporkan anggaran penduduk bantut bawah usia lima tahun adalah 498,327 orang atau 21.2 peratus bersamaan satu dalam lima kanak-kanak mengalami masalah ketinggian.

Daripada data itu, Selangor mencatatkan populasi bantut tertinggi dengan 110,480 orang, diikuti Sabah dan Labuan (69,627); Johor (48,725) dan Kedah (41,168).

Jejas imej Malaysia

Mengulas lanjut, Dr Azriyanti berkata, penduduk negara yang mengalami bantut dianggap tidak mempunyai kemudahan kesihatan yang baik, makanan tidak sihat dan persekitaran tidak memberangsangkan, sekali gus menjejaskan imej Malaysia sebagai negara sedang pesat membangun.

"Peningkatan prevalen kebantutan semakin merisaukan berbanding data 2019 dan 2015, membuktikan isu ini memang masalah serius.

"Seperti dilaporkan, data NHMS 2022 menunjukkan satu dalam lima kanak-kanak bawah usia lima tahun mengalami kebantutan.

"Peningkatan kadar bantut jelas menunjukkan isu ini walaupun sudah dimaklumkan dalam data negara, masih belum ditangani secara menyeluruh," katanya.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan dan hospital universiti (di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi) banyak melakukan program kesedaran masalah bantut dalam kalangan petugas kesihatan dan juga kempen kesedaran terhadap orang awam, terutama ibu bapa.

"Antara kempen yang dianjurkan termasuk aktiviti oleh Persatuan Pediatrik Malaysia bertujuan melatih dan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan isu tumbesaran

500,000 kanak-kanak risiko bantut

Keratan akhbar BH
25 Disember 2023.

untuk dikenal pasti lebih awal oleh doktor.

"Selain itu, banyak maklumat sudah diuar-uarkan melalui media oleh doktor bertauliah, namun malang masih ramai ibu bapa tidak faham dan tidak membawa anak berjumpa doktor lebih awal," katanya.

Disebabkan isu bantut semakin serius, beliau mengatakan jika masalah itu jika tidak dirawat atau dipantau segera boleh menyebabkan kanak-kanak terus terbantut sehingga usia remaja dan dewasa.

"Kebanyakan masalah terbantut dalam kalangan kanak-kanak, terutama bawah umur lima tahun disebabkan oleh kekurangan nutrisi dan zat.

"Isu ini juga sangat berkait rapat dengan masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak ini seperti 'isu picky eater' atau masalah autisme," katanya.

Kemahiran kelububapaan

Selain itu, beliau menjelaskan, kemahiran kelububapaan penting dalam menangani masalah pemakanan tidak sihat dan tingkah laku kanak-kanak itu terhadap pemakanan.

"Tidak dinafikan keadaan ibu bapa yang bekerja sepenuh masa antara faktor kanak-kanak tidak mendapat nutrisi sebaiknya, tetapi ramai juga kanak-kanak yang ibu bapa tidak bekerja mengalami masalah sama.

Sikap 'tidak apa, saya sendiri bukan tinggi sangat' membuatkan ramai tidak sedar perkembangan anak mereka tidak selari dengan usia hinggalah Hasil Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2022 mendedahkan kelaziman yang jauh lebih tinggi

Dr Azriyanti Anuar Zaini,
Pakar Perunding Pediatrik Endokrinologi,
Pusat Perubatan Universiti Malaya

Anggaran populasi kanak-kanak bantut bawah usia 5 tahun

NEGERI	JUMLAH
Selangor	110,480
Sabah dan WP Labuan	69,627
Johor	48,725
Kedah	41,168
Kelantan	38,774
Pahang	35,009
WP Kuala Lumpur dan Putrajaya	29,662
Sarawak	29,013
Perak	23,111
Terengganu	22,847
Pulau Pinang	17,345
Melaka	15,912
Negeri Sembilan	12,912
Perlis	3,772
Jumlah	498,327

"Isu lebih penting di sini ialah pemahaman ibu bapa terhadap jenis makanan yang sesuai untuk diberikan kepada kanak-kanak sedang membesar," katanya.

Katanya, kajian Prof Gruber pada 2020 hingga 2022 membuktikan penduduk negara yang makan banyak protein haiwan seperti daging, ikan, ayam lebih tinggi daripada penduduk negara yang makanan ruji berasaskan beras dan gandum.

Di Malaysia, kanak-kanak lebih banyak memakan nasi dan mi, berbanding protein haiwan.

"Pengambilan susu juga sangat kurang seperti dilaporkan dalam NHMS 2017, iaitu 75 peratus atau tiga dalam empat remaja tidak minum susu atau produk tenusu dengan mencukupi.

"Selain itu, faktor cukup tidur sering kali tidak diindahkan. Kanak-kanak perlu cukup tidur antara sembilan hingga 11 jam sehari (bergantung usia) untuk memastikan hormon tumbesaran dirembeskan secukupnya oleh badan ketika tidur nyenyak.

"Selain itu, aktiviti senaman bergraviti seperti berlari,

berjalan, lompat tali serta badminton juga penting untuk stimulasi dan rangsangan di bahagian tulang," katanya.

Ditanya cabaran dihadapi kanak-kanak tergolong dalam generasi bantut itu, beliau menunjukkan masalah kanak-kanak dan remaja yang mengalami masalah bantut sangat terkesan emosi dan psikologi.

"Isu buli, tekanan rakan sebaya, perasaan rendah diri boleh mendatangkan masalah psikologi seperti kemurungan serta bantut dalam kalangan dewasa boleh menyebabkan masalah memandu, melahirkan anak serta sukar mendapat pekerjaan," katanya.

Beliau berkata, secara amnya, bantut dan kurang nutrisi memang sangat meruncingkan.

Katanya, kajian Prof Lee WS pada tahun lalu menunjukkan isu terbantut setinggi 16 hingga 20 peratus seperti dilaporkan NHMS sebelum ini.

"Kajian ini dilakukan di klinik seluruh Malaysia. Selain itu, isu bantut dan kekurangan zat dalam kalangan kanak-kanak di kawasan perumahan program perumahan rakyat termiskin (PPRT) sangat tinggi dan membimbangkan.

"Jadi, ibu bapa perlu segera membawa anak berjumpa doktor jika anak terlalu pendek dibandingkan dengan adik beradik (pada umur sama) dan rakan sekolah.

"Sekiranya tidak pasti, jumpa doktor pakar seperti pakar pediatrik atau pediatrik endokrinologi kerana walaupun ibu bapa rendah, anak tidak semestinya terbantut. Buang sikap tidak mengapa dan lebih prihatin dengan masalah tumbesaran anak," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : LOKAL

Putrajaya: Jumlah kes demam denggi di negara ini meningkat kepada 3,181 kes pada Minggu Epidemiologi ke-01 (ME01) 2024 iaitu bagi tempoh 31 Disember 2023 hingga 6 Januari 2024 berbanding 2,715 kes pada minggu sebelumnya.

Dalam satu kenyataan semalam, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan bagaimanapun berkata, sepanjang tempoh minggu pertama tahun ini, tiada kes kematian akibat

Kes denggi meningkat, tiada kematian dilaporkan

komplikasi demam denggi dilaporkan.

Dari segi bilangan lokaliti *hotspot* pula, beliau berkata, jumlahnya berkurangan kepada 130 berbanding 131 pada minggu sebelumnya dengan jumlah tertinggi dicatatkan di Selangor sebanyak 100 lokaliti; diikuti Wilayah Per-

sekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (14); Perak (7); dan Negeri Sembilan (empat).

Selain itu, masing-masing dua lokaliti direkodkan di Pulau Pinang dan Sabah serta satu lokaliti di Kedah.

Bagi survelan chikungunya, Dr Muhammad Radzi

berkata, terdapat satu kes direkodkan pada ME01, namun tiada wabak chikungunya dilaporkan.

Sementara itu, bagi survelan zika, beliau berkata, sebanyak 18 sampel darah sudah diambil dan hasil kajian mendapati kesemuanya adalah negatif.

- Bernama

Promosi aktiviti persundalan di media sosial



SINDIKET pelacuran yang aktif mempromosi wanita warga asing melalui media sosial dengan pakej serendah RM200 hingga RM1,000 sejak setahun lalu tumpas selepas digempur Jabatan Imigresen Malaysia dalam satu operasi. Dalam serbuan di lima lokasi berasingan membabitkan dua premis pelacuran dan tiga premis pusat hiburan KTV sekitar Ipoh, JIM berjaya menahan 141 warga asing termasuk 10 warga tempatan yang bertindak sebagai penjaga premis.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 22
RUANGAN : LOKAL

Kes gigitan anjing di Sarawak stabil

Putrajaya: Semua kes gigitan anjing di Sarawak dilaporkan stabil dan diberikan suntikan vaksin rabies serta rawatan Immunoglobulin Rabies (RIG), demikian menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Dalam satu kenyataan semalam bagi memaklumkan situasi jangkitan anjing yang disahkan positif rabies di Kuching, Sarawak, KKM berkata, kes itu terdiri daripada 11 kes yang dirawat sebagai pesakit luar dan satu kes yang dimasukkan ke hospital bagi perawatan luka yang discaj pada Khamis lalu.

"Semua 11 kes digigit oleh anjing liar yang sama. Anjing terbabit ditangkap oleh PBT (pihak berkuasa tempatan) pada 8 Januari lalu. Keputusan ujian makmal yang dilakukan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) pada 11 Januari lalu menunjukkan positif rabies."

"Bagi kes ke-12 yang dilaporkan digigit anjing peliharaan di Lorong Tabuan Timur, Kuching, mangsa mendapat rawatan di Hospital Umum Sarawak pada 7 Januari. Anjing diserahkan secara sukarela ke-



Semua 11 kes digigit oleh anjing liar yang sama. Anjing terbabit ditangkap PBT (pihak berkuasa tempatan) pada 8 Januari lalu."

Kenyataan KKM

pada PBT dan ujian makmal DVS menunjukkan ia positif rabies," menurut kenyataan itu.

Pada 11 Januari lalu, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) Datuk Wee Hong Seng dilaporkan berkata, ada 12 kes gigitan anjing yang positif rabies di kawasan Tabuan Desa Indah dan Lorong Tabuan Timur, Sarawak.

KKM berkata, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak bersama DVS, PBT dan agensi tempatan yang berkaitan akan mempergiatkan aktiviti kawalan di kawasan terbabit bersama masyarakat setempat termasuk menjalankan kempen vaksinasi anjing bagi mengawal penularan jangkitan rabies.

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menafikan laporan media bahawa 10 pakar patologi di Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru, Johor dipindahkan keluar susulan kes pemalsuan keputusan ujian air kencing.

KKM dalam kenyataan berkata, urusan pengujian sampel air kencing adalah di bawah skop tugas Juruteknologi Makmal Perubatan (JTMP) dan ia tidak melibatkan pakar patologi.

"Individu yang terbabit dalam kes pemalsuan keputusan ujian air kencing masih dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)," ka-

PEMALSUAN KEPUTUSAN UJIAN AIR KENCING

10 pakar patologi HSA dipindah tak benar: KKM

tanya, semalam.

Sebelum ini, laporan sebuah akhbar berbahasa Inggeris mendakwa pakar patologi berkaitan menyedai sampel air kencing yang dipalsukan melibatkan kes penyalahgunaan bahan terlarang dengan bayaran antara RM500 hingga RM1,500.

Pada masa sama, menurut KKM, pihaknya berharap semua pihak tidak membuat sebarang spekulasi berhubung kes berkenaan.

Katanya, perlu ditekankan HSA sentiasa bekerjasama dengan SPRM sepanjang proses siasatan dijalankan.

"KKM ingin memaklumkan semua fasiliti, kesihatan KKM termasuk HSA, komited dalam memastikan perkhidmatan terbaik dan berintegriti kepada semua lapisan masyarakat," katanya.

Kenyataan KKM itu dimuat naik Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzul-

kefly Ahmad di laman X miliknya.

Dr Dzulkefly turut berharap media lebih teliti sebelum menerbitkan berita khususnya yang berkaitan dengan KKM supaya tidak mencetuskan kecurigaan umum terhadap perkhidmatan kementerian itu.

Sebelum ini, HSA menafikan 10 pakar patologi dipindah keluar dari hospital terbabit berikutan pemalsuan keputusan ujian air kencing.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NEGARA

Punca pengusaha, pekerja takut melarang mereka merokok di dalam restoran

Perokok berusia paling susah ditegur

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI
dan MARLIA ZAKARIA

PETALING JAYA – Takut untuk menegur pelanggan yang merokok di premis makanan terutama individu berusia 50 tahun ke atas menjadi antara punca larangan merokok gagal dipatuhi.

Ketakutan itu menjadikan perokok tegar terus 'berleluasa' dan sengaja tidak mengendahkan papan tanda larangan merokok yang terpapar di premis-premis makanan.

Seorang pengusaha restoran di Shah Alam, Faez Mohamed, 32, berkata, dia sering melarang pelanggannya merokok di dalam premis.

"Bukan rokok biasa sahaja, yang hisap vape pun saya tegur. Memang ada yang tanya balik kenapa begitu, tetapi saya terangkan ia adalah peraturan untuk elakkan risiko kesihatan kepada pelanggan lain.

"Ikutkan pengalaman saya sepanjang peraturan ini dikuatkuasakan, individu yang payah ditegur biasanya mereka berusia yang selalu akan mempertikaikan larangan itu, manakala orang



ARAHAN larangan merokok di dalam restoran perlu dipatuhi semua pelanggan. – GAMBAR HIASAN

muda biasanya senang dengar teguran," katanya kepada Kosmo! baru-baru ini.

Faez memberitahu, sejak bertegas dalam larangan merokok di restorannya, jumlah pe-

langgan menyusut, namun tidak lama kemudian ia mula dikunjungi ramai mereka berkeluarga.

"Mungkin sebab mereka sedia maklum kedai kami bebas rokok dan sesuai untuk makan bersama keluarga terutamanya yang memiliki anak-anak kecil," ujarnya.

Tambahnya, setiap pengusaha restoran perlu sepakat dan tegas untuk membanteras perokok tegar yang masih berdegil mahu merokok di dalam premis.

Sementara itu, tinjauan Kosmo! di sebuah restoran lain di sekitarnya, beberapa individu dilihat masih degil merokok di dalam premis walaupun jelas terpancipang papan tanda larangan merokok.

Seorang pekerja yang ingin dikenali sebagai Syah memberitahu, dia tidak berani untuk menegur mereka kerana bimbang akan dimarahi dan mencekutkan kekecohan.

"Saya pernah tegur sebelum ini, tetapi kena marah, jadi sekarang saya sudah tidak berani lagi tegur, nanti kecoh.

"Orang muda mungkin boleh dengar cakap, tetapi mereka yang sudah berusia susah nak terima teguran blarpun dibuat secara baik," katanya.

'Kami tidak tahu di luar bangunan dilarang merokok'

KUALA LUMPUR – Tidak tahu kawasan larangan merokok selain baru pertama kali tiba di sesebuah premis antara alasan paling banyak diterima sepanjang lebih dua jam mengikuti operasi merokok di sebuah pusat beli-belah terkemuka, di sini baru-baru ini.

Ketika operasi Pusat Kesihatan Daerah Lembah Pantai itu, mereka didapati merokok di kawasan tangga kecemasan serta di luar bangunan kompleks beli-belah berkenaan.

Lokasi itu masih menjadi tempat larangan merokok kerana ia kawasan berhembung.

Dalam operasi itu, seorang perokok merayu supaya tidak dikenakan kompaun kerana perlu membiayai perbelanjaan anak-anak yang masih belajar.

"Saya baru saja datang ke sini, tak tahu tempat ini tidak boleh merokok. Tolonglah, saya nak pakai duit lagi untuk belanja sekolah anak-anak.

"Ada anak masih sekolah, seorang lagi belajar di universiti," kata lelaki tersebut.

Bagaimanapun, rayuannya tidak melemahkan anggota penguat kuasa tersebut untuk mengeluarkan kompaun.

Tidak terkecuali seorang lelaki warga Singapura yang merayu agar tidak dikenakan kompaun



TANGGA kecemasan antara kawasan popular perokok menghisap rokok.

“

Saya baru saja datang ke sini, tak tahu tempat ini tidak boleh merokok. Tolonglah, saya nak pakai duit lagi untuk belanja sekolah anak-anak.”

dengan memberi alasan tidak tahu tempat di luar bangunan yang masih berhembung tidak boleh merokok.

"Ingat boleh merokok di sini kerana kalau di Singapura, asalkan di luar bangunan kami boleh merokok. Saya tak tahu ia berbeza dengan Malaysia," ujarnya.

Seorang pekerja kompleks beli-belah itu memberitahu, kawasan tepi bangunan di luar dan berhembung itu sering menjadi



PIHAK berkuasa mengeluarkan kompaun terhadap perokok yang merokok di kawasan larangan di sebuah pusat beli-belah di Kuala Lumpur baru-baru ini.

lokasi perokok serta kaki vape. "Di kawasan ini memang tempat mereka merokok, kami dah tegur tetapi tidak dipedulikan," ujarnya.

Menerusi Peraturan 11(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 pindaan 2018, terdapat 23 tempat dilarang merokok termasuk restoran, di dalam pusat beli-belah dan hospital.

Bagi kesalahan pertama, kom-

paun boleh dikurangkan kepada RM150 jika pembayaran dijelaskan di Pejabat Kesihatan Daerah dalam tempoh satu bulan dari tarikh kompaun.

Kesalahan kedua pula, tiada pengurangan kompaun diberikan dan bayaran penuh sebanyak RM250 akan dikenakan, manakala kompaun lebih tinggi sebanyak RM350 kepada mereka yang melakukan kesalahan kali ketiga dan seterusnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 23
RUANGAN : NASIONAL

Laporan pertukaran pakar patologi di HSAJB tidak tepat - KKM

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan artikel berita berhubung perpindahan 10 Pegawai Perubatan Pakar Patologi Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru (HSAJB) susulan kes pemalsuan keputusan ujian urin adalah tidak tepat.

KKM dalam kenyataan memaklumkan, HSAJB telah menjelaskan situasi sebenar melalui satu kenyataan media yang disiarkan pada Khamis bahawa tiada perpindahan keluar pegawai perubatan pakar patologi seperti yang dilaporkan sebuah akhbar tempatan.

"Urusan pengujian sampel urin adalah di bawah skop tugas Juruteknologi Makmal Perubatan (JTMP) dan ia tidak melibatkan Pegawai Perubatan Pakar Patologi.

"Individu yang terlibat dalam kes pemalsuan keputusan ujian urin masih dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)," menurut kenyataan itu.

KKM berharap semua pihak tidak membuat sebarang spekulasi berhubung kes berkenaan selain menjelaskan HSAJB sentiasa bekerjasama dengan SPRM se-

panjang proses siasatan dijalankan.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Datuk Dr Dzulkefly Ahmad dalam hantaran di X berharap syarikat akhbar itu akan lebih teliti sebelum menerbitkan sebarang berita khususnya mengenai KKM.

Belliau berkata, ia supaya tidak mencetuskan rasa curiga umum terhadap perkhidmatan KKM.

SPRM sebelum ini menahan seorang pegawai patologi sebuah hospital, yang disyaki merasuah ahli patologi di sebuah hospital di negeri ini berhubung keputusan ujian saringan air kencing.

Penahanan tersebut dibuat susulan wujud persoalan berhubung ratusan kes dadah yang mungkin dilepaskan dan perlu disiasat semula, ekoran perbuatan ahli patologi itu.

Pada 10 Januari lepas, Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat dilaporkan berkata, pihaknya membuka kertas siasatan tatatertib terhadap sebahagian daripada 33 pegawai dan anggotanya yang terlibat dalam kes rasuah membabitkan ahli patologi di sebuah hospital.

- Bernama

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEWS / NATION

URINE-TAMPERING SCANDAL

GET YOUR FACTS STRAIGHT, DZULKEFLY TELLS MEDIA

Health minister says newspapers must be responsible in reporting matters concerning public healthcare

HANA NAZ HARUN
KUALA LUMPUR
hana.harun@nst.com.my

HEALTH Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad has denied claims by an English daily relating to the transfers and reshuffling of pathologists in Johor,

stating that the information published was inaccurate.

He reminded media outlets to be more careful when reporting and not to cast doubt on civil servants, particularly those in the healthcare sector.

He called on the newspaper to be more careful when publishing such news. He said the newspaper had erred in reporting that 12 pathologists of Sultanah Aminah Hospital (HSA) had been transferred when the hospital had only two pathologists.

"So as not to cast public doubt on the Health Ministry's services... Responsible journalism is very much appreciated," he said in a post on X yesterday.

Attached with his post was a statement by his ministry.

Sultanah Aminah Hospital has clarified that there have been no transfers of pathologists as reported by an English daily recently. FILE PIC

The ministry said HSA, Johor Baru, had explained through a media statement on Jan 11 that there had been no transfers of pathologists as reported by the English daily.

"Urine sample testing management is under the job scope of medical laboratory technologists and does not involve pathologists.

"The individual involved in the urine-tampering is being investigated by the Malaysian Anti-Corruption Commission



Datuk Seri Dr
Dzulkefly Ahmad

(MACC)."

All parties had been urged not to speculate on the case and that HSA was ready to cooperate with the MACC on the matter, he added.

"The Health Ministry would like to inform that all facilities, including HSA, are committed to ensuring the best service with integrity to all levels of society."

The newspaper, in a report last week, claimed that a pathologist in HSA was at the centre of an extensive network involved in

tampered urine samples in substance abuse cases.

The pathologist allegedly charges a fee of between RM500 and RM1,500.

Quoting Johor Health and Unity Committee chairman Ling Tian Soon, the newspaper said 10 pathologists had been transferred out of Johor following the case.

The urine-tampering controversy had caused the police to initiate their own sweep within the force.

A total of 33 policemen had been transferred, with disciplinary investigation papers opened against those who have been implicated.

